

# Kakitangan pentadbiran Fakulti Psikologi lawat UMSKAL

UB 19.8.2018 A4

LABUAN: Seramai tujuh kakitangan pentadbiran dan dua pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Blok Psikologi telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Lawatan sehari itu diketuai Pensyarah Psikologi Aminuddin Ibrahim Laster bersama Ketua Program Psikologi Kaunseling Dr Norzihan Ayub.

Aminuddin berkata lawatan kali pertama itu bertujuan meningkatkan pengurusan mengenai Ekosistem Kondusif

Sektor Awam (Eksa) di UMSKAL untuk diguna pakai di FPP Blok Psikologi.

“Kakitangan pentadbiran dan pensyarah FPP Blok Psikologi mahu berkongsi idea mengenai pengurusan pentadbiran Eksa yang ada di UMS Labuan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di pejabatnya di Bangunan Menara pada Khamis.


Murnizam berkata pihaknya sentiasa mengalu-alukan lawatan sambil belajar bukan sahaja daripada kakitangan, pensyarah dan pelajar UMS sendiri tetapi juga

IPTA yang lain di negara ini.

Rombongan kakitangan dan pensyarah itu turut dibawa melihat panorama menarik Pulau Labuan dari Aras 13 UMSKAL.

Dalam lawatan singkat itu, mereka turut melawat Pusat Perkembangan Autisme Labuan dan diberi taklimat oleh Pengerusinya Shaffry Mohd Sarif.

Pada sebelah petang, mereka mendengar taklimat Eksa daripada Ketua Eksa UMSKAL Mas Adi Alimin serta melawat Makmal FKI, Pejabat Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).



AMINUDDIN (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Mas Adi sambil diperhatikan ahli rombongan dari Fakulti Psikologi.